

21 APR 2004  
MAHATHIR-CHINA  
MALAYSIA DISARAN SEGERA PENUHI KEPERLUAN CHINA

KUALA LUMPUR, 21 April (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan Malaysia supaya bertindak segera bagi memenuhi keperluan China yang semakin meningkat kerana kemakmuran negara itu akan mempengaruhi perdagangannya dengan dunia.

Bekas perdana menteri Malaysia itu berkata: "Kita tidak dapat meramalkan dengan tepat perubahan dalam ekonomi dan perdagangan dunia China tetapi yang pasti, apa sahaja keperluan China adalah sesuatu yang besar dan sebahagian keperluannya boleh dipenuhi oleh Malaysia jika kita bersedia."

Dalam ucapan mengenai usaha meningkatkan perdagangan Malaysia-China di Universiti Tsinghua di Beijing, China, hari ini, beliau berkata apabila China semakin makmur, keperluan dan gaya hidup penduduknya akan berubah dan Malaysia mesti bersedia untuk mengambil peluang daripadanya agar tidak ketinggalan.

Dalam ucapan yang dikeluarkan di sini hari ini, beliau juga merujuk satu kes di mana sebuah pengeluar pesawat Amerika memutuskan untuk mengeluarkan pesawat saiz sederhana berbadan kecil di China dengan kerjasama China di peringkat awal pemodenan negara itu.

Pengeluar Amerika itu merasakan China akan memerlukan pesawat yang agak kecil bagi laluan domestik tetapi apabila sektor perjalanan meningkat dengan pesat, China didapati memerlukan pesawat yang lebih besar walaupun untuk laluan domestik.

Setelah silap membuat ramalan, syarikat itu rugi, katanya.

"Bagi kita, kita mesti peka dan bertindak sepantas mungkin kepada keperluan China. Apabila timbul peluang untuk lebih banyak perdagangan diadakan di antara Malaysia dan China, cubalah mengautnya," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata potensi perdagangan antara Malaysia dan China adalah besar.

China yang semakin kaya, katanya, akan meningkatkan permintaan bagi banyak produk Malaysia di mana China tidak dapat mengeluarkannya dalam kuantiti yang diperlukan.

Beliau memberi contoh, Malaysia mengeluarkan minyak sawit yang tidak dapat dikeluarkan oleh China walaupun ia menggunakan tiga juta tan metrik komoditi itu, separuh daripadanya datang dari Malaysia.

Pada masa yang sama, pendapatan dari pelancong China yang menyumbang setengah juta kedatangan pelancong ke Malaysia setahun akan membantu mengimbangi import Malaysia dari China.

Malaysia juga boleh memenuhi permintaan China yang semakin bertambah untuk mendapatkan pendidikan yang baik menerusi universiti dan institusi pengajian tinggi lain.

Mengenai keperluan bahan api pula, Dr Mahathir berkata permintaannya besar kerana China mengeluarkan tiga juta kereta pada 2003 dan akan mengeluarkan lebih banyak lagi di masa depan.

Malaysia tidak mengeluarkan minyak yang banyak, tetapi bersama dengan Indonesia, mereka mempunyai rizab gas yang besar yang dapat memenuhi keperluan China untuk bahan api gas.

Walaupun selepas projek Empangan Tiga Lembah (Three Gorges Dam) dan loji-loji kuasa nuklearnya siap, permintaan China untuk tenaga masih mengatasi bekalan.

Bagi keperluan aluminium pula, beliau berkata China menggunakan sejumlah besar kuasa untuk kilang-kilang peleburan aluminium dan ia hanya

membazir dan tidak ekonomi kerana negara itu kekurangan sumber bahan api.

Kilang pelebur akan ditutup dan China akan terpaksa mengimport aluminium dalam jumlah yang besar.

Sebaliknya Malaysia, menerusi Empangan ELEktrik Hidro Bakun boleh menyokong beberapa kilang pelebur aluminium.

Oleh itu, adalah munasabah bagi China mendapatkan sumber aluminium daripada Malaysia daripada kilang pelebur yang dimiliki sebahagiannya oleh China, kata Dr Mahathir.

Sementara itu, beliau juga berkata walaupun China akan menjadi pusat perindustrian dunia, ia juga akan menjadi pasaran terbesar bagi komponen dan bahan mentah bagi memenuhi keperluan industri yang semakin banyak.

Mungkin banyak negara akan mendapatkan sumber mereka dari China, tetapi industri-industri China juga perlu mendapatkan sumber dari luar, dan Malaysia dan negara-negara Asia Tenggara lain akan mendapat faedah daripadanya.

Tentang kos operasi di negara itu yang kini rendah, beliau berkata kelebihan daya saing dengan gaji dan kos yang rendah tidak akan berkekalan.

Apabila kos pengeluaran meningkat, akan wujud tekanan ke atas China supaya menilai semula mata wang renminbi atau mengapungkannya kerana kemasukan China ke dalam Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) akan mengurangkan kawalan kerajaan ke atas mata wangnya.

Apabila ia berlaku, barangan China akan menjadi lebih mahal. Import yang lebih murah dan pendapatan pengguna yang meningkat akan mewujudkan permintaan untuk import.

Ketika itu, Malaysia mungkin dapat sekali lagi mengeksport barangan perkilangan ke China sebagai tambahan kepada eksport minyak sawit, getah dan gas yang besar sekarang.

Masa yang lama akan diambil untuk permintaan China menjadi stabil, beliau menambah. -- BERNAMA

SHO SD JR